

BAB KELIMA

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

Dari kajian yang di buat ini penulis mendapati perkara-perkara berikut sebagai kesimpulan kajian:

1. Ḥadīth adalah sumber hukum yang utama.

Kedudukan ḥadīth sebagai sumber hukum Islam yang kedua terpenting selepas *al-Qur'ān* tetap utuh dan kukuh walaupun berbagai usaha dilakukan untuk menggugat kedudukannya oleh pelbagai pihak samada di kalangan mereka yang mengaku sebagai seorang Islam atau dari luar Islam.

Oleh kerana ḥadīth itu sendiri mempunyai banyak jenisnya dan masing-masing ada hukum yang tersendiri. Penggunaan ḥadīth baik dalam apa bentuk sekalipun, hendaklah memberi keutamaan kepada aspek nilai ḥadīth itu sendiri.

3. Pemakaian *ḥadīth* secara umum tanpa melihat aspek nilai samada *sanad* atau *matan*, boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam dan membuka ruang kepada musuhnya untuk mempertikaikannya.

2. Kitab Jawi sebagai khazanah ilmu:

Perkembangan Islam di rantau ini telah berjaya meroboh struktur masyarakat rantau ini dan berjaya membentuk satu tamadun Melayu yang berteraskan Islam. Keperluan ilmu dalam Islam telah mendorong ulama-ulama setempat menghasilkan karya masing-masing mengenai Islam dalam berbagai bentuk sehinggalah tulisan mereka dalam tulisan Melayu/Arab yang di kenali sebagai Kitab Jawi menjadi khazanah ilmu yang tinggi nilainya.

Kitab-kitab Jawi ini mempunyai perbicaraan yang meluas dalam segenap bidang-bidang ilmu Islam yang menjadi rujukan umat Islam. Ia juga dijadikan teks di institusi pengajian Islam tradisional dan majlis-majlis pengajian yang diadakan di masjid-masjid atau surau-sarau.

3. Penulisan ḥadīth masih ketinggalan.

Dari kajian yang di buat ini di dapati karya-karya dalam bidang ḥadīth adalah ketinggalan berbanding dengan bidang lain dalam kelompok ilmu Islam itu. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku memandangkan kedudukan ḥadīth yang begitu penting dalam Islam.

Karya-karya awalan dalam bidang ḥadīth lebih tertumpu kepada terjemahan dari karya asal dalam bahasa Arab.

4. Pemakaian ḥadīth dalam kitab-kitab Jawi tidak menyeluruh.

Bidang ḥadīth adalah satu bidang ilmu yang luas, ia merangkumi aspek *riwāyat* dan *dirāyat*. Ia juga merangkumi aspek *sanad*, *matan* dan periwatan itu sendiri. Pemakaian ḥadīth itu sendiri tidak terlepas dari perkara tersebut.

Pemakaian ḥadīth dalam kitab Jawi rata-ratanya terbatas kepada aspek *matan* ḥadīth sahaja, aspek nilai atau *darjat* ḥadīth juga kurang mendapat perhatian. Hasilnya ḥadīth-ḥadīth yang di kategorikan sebagai ḥadīth *ḍa'īf* dimasukkan tanpa sebarang keterangan dan komentar oleh penulis-penulis kitab Jawi.

5. Syeikh Dāwūd bin Abdallah al-Faṭānīy adalah ulama Nusantara yang ulung.

Betapa Syeikh Dāwūd bin Abdallah al-Faṭānīy sebagai tokoh ulama yang ulung dan produktif di Nusantara tidak pernah dipertikaikan. Beliau banyak menghasilkan karya dalam berbagai bidang terutamanya fiqh (syariah), tasawwuf, dan tauhid (usuluddin). Karya-karya beliau telah menjadi rujukan dan teks utama dalam pengajian Islam di Nusantara untuk beberapa ketika dan masih menjadi bahan bacaan serta kajian di institusi pendidikan tradisional di Malaysia khususnya dan di rantau ini umumnya.

5.2 CADANGAN DAN SARANAN

1. Khazanah ilmu Nusantara perlu perhatian khusus ulama dan sarjana Islam setempat.

Ulama-ulama silam telah meninggalkan sumbangan yang tidak ternilai harganya. Karya-karya yang dihasilkan merupakan khazanah peninggalan mereka, yang sekaligus merupakan sumbangan mereka terhadap pembangunan tamadun Melayu Islam di rantau ini. Peninggalan

ini perlu ditonjol dan diketengahkan secara meluas di kalangan masyarakat.

Adalah di cadangkan satu usaha yang menyeluruh perlu diadakan bagi memperkenalkan karya-karya warisan ulama Islam terhadap masyarakat sebagai langkah awalan kearah melahirkan kesedaran di kalangan masyarakat supaya menghargai sumbangan ulama silam.

2. Mengkaji dan menerbitkan karya-karya yang dihasilkan oleh ulama silam:

Adalah dicadangkan satu team penyelidik yang terdiri dari para ilmuan Islam bagi menjalankan kajian yang berkaitan dengan ulama-ulama Islam serantau secara menyeluruh terutamanya yang berkaitan dengan karya serta sumbangan mereka.

Rasional cadangan ini adalah untuk membolehkan segala fakta yang berkaitan dengan ulama Nusantara, baik dalam bentuk biografi dan yang berkaitan dengannya dapat di simpan dalam bentuk dokumen bagi memudahkan generasi akan datang merujuknya.

3. Usaha mentahiq karya-karya ulama silam:

Untuk membolehkan karya-karya yang dihasilkan oleh ulama-ulama silam dapat dimanfaatkan seperti yang sepatutnya. Adalah di cadangkan supaya usaha mentahiq atau transliterasi karya-karya tersebut hendaklah ditingkatkan, ini termasuklah karya yang sudah diterbitkan dan juga manuskrip yang belum diterbitkan, tanpa usaha demikian karya-karya tersebut terus menjadi bahan simpanan atau pameran di perpustakaan atau individu-individu yang menyimpan koleksi kitab-kitab Jawi dan pusat-pusat manuskrip Melayu sahaja.

Bagi tujuan tersebut, penuntut tahun akhir di institusi pengajian tinggi yang berminat boleh ditugaskan untuk tujuan tersebut dengan bimbingan para pensyarah mereka. Satu kertas panduan hendaklah disediakan bagi memastikan kerja-kerja tersebut seragam dan kemas.

4. Kajian dan penilaian semula karya-karya ulama silam

Dicadangkan juga supaya para sarjana Islam mengkaji dan menyelidik karya-karya yang dihasilkan terutamanya dari aspek kandungannya terutama karya-karya yang sudah diterbitkan dan menjadi bacaan masyarakat bagi memastikan unsur-unsur yang tidak sihat dan

fakta-fakta yang menyeleweng tidak dapat menyelinap masuk ke dalam kefahaman ummah.

Dicadangkan aspek yang perlu diberikan penekanan adalah aspek pemakaian dan penggunaan hadith itu sendiri, lebih-lebih lagi yang berkaitan aqidah dan hukum hakam. Perkara ini bukanlah perkara baharu kerana ulama-ulama Islam di zaman lampau telahpun melakukan perkara yang sedemikian.

Ibn Hajar al-Asqalāni (m.852H) telah mentakhrij hadith-hadith yang disebut oleh Imam Abū al-Qāsim al-Rāfi'iy dalam *Al-Wajīz* dan dinamakan *Talkhīs al-Habīr fī Takhrij Aḥādīth Al-Rāfi'iy al-Kabīr*. Begitu juga Jalāl al-Dīn Abu Muḥammad Abd Allāh bin Yūsuf bin Muḥammad bin Ayyūb al-Hanafiy al-Zāyla'iy (m.762H) telah mentakhrij kitab *Al-Hidāyah* karya Ali bin Abu Bakr Abd al-Jalīl al-Mirghināniy (m.593H) dan dikenali dengan *Naṣb al-Rāyyah fī Takhrij Aḥādīth al-Hidayah*.

Di zaman kebelakangan pula usaha-usaha mentakhrij karya *turath* giat dilakukan oleh para ilmuan Islam.¹ Dengan itu karya-karya besar yang ditulis dalam bahasa Melayu juga wajar ditakhrij hadithnya bagi mengelakkan umat Islam dari menggunakan hadith-hadith yang tidak seharusnya mereka menggunakannya.

5. Usaha memperbanyak karya-karya dalam bidang ḥadīth:

Kekurangan karya-karya dalam bidang ḥadīth yang diterbitkan di Malaysia, begitu ketara sekali. Dengan itu di cadangkan kepada pihak-pihak yang berwajib supaya mengambil satu inisiatif kearah memperbanyak karya-karya dalam bidang ini.

Ini termasuklah mempertingkatkan kerja-kerja menterjemah karya-karya besar dalam bidang ini. Usaha pihak Pusat Islam menterjemah karya-karya seperti *Riyāḍ al-Ṣālihin*, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dianggap sebagai langkah permulaan ke arah usaha yang lebih gigih. Di samping berusaha menerbitkan karya-karya sendiri dalam bidang ini yang tentunya lebih sesuai dengan realiti setempat.

6. Merombak semula kaedah pengajian ḥadīth.

Secara umumnya, pengajian ḥadīth setakat ini masih lagi dalam bentuk *mawḍu'ī* dengan memilih ḥadīth-ḥadīth tertentu dalam bab-bab tertentu di susuli dengan ulasan ringkas dan terhenti kepada teks ḥadīth sahaja.

Kaedah ini masih boleh dikembangkan dengan meluaskan skop kajian dan ulasan. Ini adalah dengan memasukkan kajian dan ulasan mengenai *sanad* dan perawi juga. Ini akan memantapkan maklumat mengenai *ḥadīth* itu sendiri.

Oleh itu kaedah pengajian *ḥadīth* yang sedia ada terutama di peringkat menengah dan institusi pendidikan tinggi perlu dimantapkan lagi bagi menyalurkan maklumat yang lebih baik dan sempurna mengenai *ḥadīth*. Kemudiannya akan melahirkan generasi yang mantap penghayatan *sunnahnya*.

Nota Hujung

¹Syeikh Nāṣir al-Dīn al-Albānīy adalah di antara ulama yang begitu gigih dalam bidang ini, di mana karya fiqh yang telah ditakhrij oleh beliau adalah: *Manār al-Sabīl Syarḥ Dalīl al-Ṭālib* karangan Syeikh Ibrāhīm bin Muḥammad bin Sālim bin Dāwīyan (m. 1353H) yang di kenali dengan nama: *Irwā' al-Ghalīl fi Takhrij Aḥādīth Manār al-Sabīl*, di mana bilangan ḥadīth yang ditakhrijkan mencecah tiga ribu ḥadīth. Beliau juga telah mentakhrijkan ḥadīth-ḥadīth dalam banyak karya-karya lain termasuk yang dihasilkan oleh tokoh semasa seperti Dr. Yusuff al-Qaradāwīy, Dr. Sayyid Ramaḍān al-Buṭīy dan lain-lain.